

Malaysia, Jepun meterai FTA tahun depan

UM 14 DEC 2002

TOKYO 13 Dis. — Malaysia akan memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Jepun tahun depan yang meliputi bidang kerjasama dua hala yang luas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pada masa ini, katanya, dokumen perjanjian dua hala itu sedang disediakan sebelum ia dikemukakan kepada kerajaan Jepun.

Beliau menjelaskan, FTA yang akan Malaysia tandatangani berbeza dengan negara lain kerana selain perdagangan, ia antara lain turut meliputi soal kebudayaan.

"Ia dibuat mengikut keperluan kita. Thailand umpamanya merupakan negara pengeksport beras dan ini menimbulkan masalah kepada Jepun.

"Bagi Malaysia pula, kita mengeluarkan kereta dan ini pula menimbulkan beberapa perkara yang perlu diperincikan dalam perjanjian yang akan ditandatangani," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di akhir lawatan rasminya dua hari ke Jepun.

Sebelum ini, Jepun telah menandatangani FTA dengan Thailand dan Singapura.

Ditanya sama ada Malaysia akan menandatangani perjanjian yang serupa dengan China, Dr. Mahathir berkata, ia akan dibuat atas dasar kerjasama ASEAN - China.

Mengenai pertemuan beliau dengan tokoh korporat Jepun pagi ini, Dr. Mahathir berkata, beliau telah meyakinkan mereka bahawa dalam keadaan ekonomi sekarang Malaysia masih lagi menjadi lokasi pelaburan yang menguntungkan.

Pada masa yang sama, katanya, ahli perniagaan Jepun terbabit turut menyatakan minat untuk meninjau projek-projek lain yang berbentuk industri berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan.

Beliau menambah, mereka juga memberitahunya, meskipun China memiliki banyak tarikan, syarikat-syarikat Jepun merasa selesa di Malaysia yang mempunyai kualitinya yang tersendiri. — *Utusan*